



SYARAT-SYARAT PENYERTAAN ANUGERAH MEDIA MUTIARA 2026

SYARAT-SYARAT PENYERTAAN AM

1. Karya yang dipertandingkan hendaklah berkenaan dengan pembangunan Negeri Pulau Pinang secara menyeluruh, merangkumi aspek ekonomi, sosial, kesejahteraan rakyat, komuniti, infrastruktur, alam sekitar, teknologi, budaya dan tadbir urus.
2. Penyertaan terbuka kepada semua wartawan yang bertugas di Pulau Pinang.
3. Mana-mana penyertaan berkenaan negeri Pulau Pinang yang dihasilkan dan telah diterbitkan/ disiarkan oleh wartawan luar Pulau Pinang boleh menyertai Anugerah ini.
4. Pertubuhan media mestilah berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).
5. Karya-karya yang diterbitkan/disiar mestilah mulai **1 Jun 2025 hingga 1 Jun 2026**.
6. Penyertaan dibuka mulai 2 Mac 2026; **tarikh tutup penyertaan pada 5 Jun 2026**.
7. Penghantaran bahan penyertaan adalah melalui bahan yang telah dimuatkan ke dalam simpanan awan (*cloud storage*) dan ruangan pautan(*link*) yang terdapat pada borang penyertaan hendaklah diisi dengan pautan bahan tersebut.
8. Salinan kad pengenalan dan sekeping gambar profil peserta/kumpulan hendaklah dimuatkan ke dalam simpanan awan (*cloud storage*) bersama bahan penyertaan.
9. Pautan borang penyertaan : <http://mpi.my/award/anugerah-media-mutiara>
10. Kesemua bahan-bahan penyertaan tidak akan dikembalikan dan menjadi hak mutlak MPI & Kerajaan Negeri Pulau Pinang.
11. Penganjur anugerah berhak menggunakan karya yang dihantar untuk tujuan promosi, tidak terhad kepada penerbitan laman web, promosi media sosial dan siaran akhbar.
12. Bergantung kepada keperluan penganjur, pemenang dimohon untuk mengambil bahagian dalam aktiviti publisiti berkaitan dengan anugerah, seperti temu ramah atau perbincangan panel.
13. MPI berhak menolak penyertaan yang tidak lengkap dan gagal mematuhi syarat-syarat penyertaan yang ditetapkan.
14. Tiada yuran penyertaan dan tiada had penyertaan.
15. Keputusan panel hakim adalah muktamad.



SYARAT-SYARAT PENYERTAAN KHUSUS

- A. Laporan Berita Terbaik – Bahasa Melayu**
- B. Laporan Berita Terbaik – Bahasa Inggeris**
- C. Laporan Berita Terbaik – Bahasa Cina**
- D. Laporan Berita Terbaik – Bahasa Tamil**

HADIAH:

Pemenang Pertama	: RM 2,000, trofi dan sijil penghargaan
Pemenang Kedua	: RM 1,000, trofi dan sijil penghargaan
Pemenang Ketiga	: RM 750, trofi dan sijil penghargaan

Mengiktiraf laporan berita terbaik dalam empat kategori bahasa; yang memberikan maklumat tepat dan relevan mengenai isu semasa di Pulau Pinang. Laporan tersebut harus menunjukkan impak kepada masyarakat negeri ini, sama ada dalam aspek sosial, ekonomi, atau politik. Ini termasuk laporan berkait dengan perubahan iklim, pemuliharaan hutan, kelestarian alam, ESG, SDG; warisan Sejarah, seni dan budaya, industri pelancongan dan gastronomi.

KRITERIA :

1. Peserta perlu menyediakan satu (1) karya terbaik seperti hard news dan soft news yang menonjolkan gaya penulisan peserta.
2. Peserta digalakkan menyertakan karya tambahan berbentuk video/audio/ multimedia/grafik sebagai nilai tambah karya yang dipertandingkan.
3. Bahan yang dihasilkan dalam bahasa lain hendaklah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu atau bahasa Inggeris.
4. Bahan penyertaan penulisan hendaklah dikemukakan dalam format PDF yang dimuat ke dalam simpanan awan.
5. Bagi karya yang bersiri, hendaklah tidak melebihi lima (5) siri, disusun mengikut aturan dan digabungkan ke satu fail.
6. Terbuka kepada empat kategori bahasa iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Cina, Bahasa Inggeris dan Bahasa Tamil.
7. Karya yang dihantar hendaklah asli dan telah diterbitkan sama ada di media cetak dan portal berita.



E. Anugerah Rencana Terbaik

HADIAH:

Pemenang Pertama	: RM 2,000, trofi dan sijil penghargaan
Pemenang Kedua	: RM 1,000, trofi dan sijil penghargaan
Pemenang Ketiga	: RM 750, trofi dan sijil penghargaan

Mengiktiraf rencana terbaik yang memberikan analisis mendalam mengenai isu-isu yang berkaitan dengan pembangunan, sosial, atau ekonomi di Pulau Pinang. Rencana tersebut mestilah menyentuh pandangan atau cadangan yang bernas tentang cara mengatasi cabaran yang dihadapi oleh negeri ini. Laporan Khas Terbaik: Karya pelaporan terbaik yang menyentuh isu-isu seperti ekonomi, alam sekitar, pelancongan, sosial dan masyarakat, teknologi Pulau Pinang yang mempunyai elemen analisis, statistik, infografik dan secara bersiri.

KRITERIA :

1. Peserta perlu menyediakan satu (1) karya terbaik yang menonjolkan laporan khas dan mengupas topik ekonomi, alam sekitar, pelancongan, sosial dan masyarakat, teknologi Pulau Pinang atau yang berkaitan.
2. Karya ini juga perlu mempunyai elemen penyelidikan dan analisis secara mendalam, pemaparan maklumat melalui statistik, infografik yang memberi kesan kepada pembaca.
3. Bahan yang dihasilkan dalam bahasa lain hendaklah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu atau bahasa Inggeris.
4. Kategori ini terbuka kepada karya yang diterbitkan dalam media cetak termasuk majalah.
5. Bahan penyertaan penulisan hendaklah dikemukakan dalam format PDF yang dimuat ke dalam simpanan awan.
6. Bagi karya yang bersiri, hendaklah tidak melebihi lima (5) siri, disusun mengikut aturan dan digabungkan ke satu fail.
7. Karya yang dihantar hendaklah asli dan telah diterbitkan sama ada di media cetak dan portal berita.



F. Anugerah Laporan TV Terbaik

HADIAH:

Pemenang Pertama	: RM 2,000, trofi dan sijil penghargaan
Pemenang Kedua	: RM 1,000, trofi dan sijil penghargaan
Pemenang Ketiga	: RM 750, trofi dan sijil penghargaan

Mengiktiraf laporan TV terbaik yang menyampaikan cerita atau maklumat yang relevan mengenai Pulau Pinang dengan cara yang menarik dan berkesan. Penggunaan wawancara, visual, dan grafik yang sesuai dapat membantu memperlihatkan perubahan atau cabaran yang dihadapi oleh negeri ini. Laporan berkenaan ekonomi, perubahan iklim, pemuliharaan hutan, kelestarian alam, ESG, SDG; warisan Sejarah, seni dan budaya dan industri pelancongan, sosial dan masyarakat, atau teknologi Pulau Pinang.

KRITERIA :

1. Peserta individu atau kumpulan mestilah terdiri daripada:
 - Wartawan
 - Jurukamera
 - Penyunting video
2. Tugas peserta mestilah mengetengahkan berita yang melaporkan tentang berkenaan ekonomi, perubahan iklim, pemuliharaan hutan, kelestarian alam, ESG, SDG; warisan Sejarah, seni dan budaya dan industri pelancongan, sosial dan masyarakat, atau teknologi Pulau Pinang.
3. Laporan video bersiri hendaklah **tidak melebihi tiga (3) siri** dan durasi keseluruhan laporan **tidak melebihi lima belas (15) minit**, perlu mempunyai *Voice Over* dan *Stand Upper*.
4. Bahan penerbitan asal yang dihasilkan dalam bahasa lain perlu disertakan sarikata terjemahan bahasa Melayu atau bahasa Inggeris.
5. Bahan penyertaan hendaklah dalam format MP4 dalam resolusi 1080p dan dimuatkan ke dalam simpanan awan.



G. Anugerah Video Pendek Terbaik

HADIAH:

Pemenang Pertama	: RM 2,000, trofi dan sijil penghargaan
Pemenang Kedua	: RM 1,000, trofi dan sijil penghargaan
Pemenang Ketiga	: RM 750, trofi dan sijil penghargaan

Terbuka kepada video pendek yang disiarkan di platform media sosial, tentang isu-isu seperti ekonomi, alam sekitar, pelancongan, sosial dan masyarakat, teknologi atau pembangunan Pulau Pinang yang memberi impak kepada negeri Pulau Pinang dan masyarakat.

KRITERIA:

- A. Video yang dikemukakan hendaklah dengan jelas menonjolkan sumbangan dan peranan wartawan dan ahli kumpulannya. Ini termasuklah bukti penulisan skrip, penggunaan suara latar wartawan dalam penceritaan.
- B. Peserta berkumpulan mestilah terdiri daripada:
 - Wartawan
 - Penulis skrip / penyelidik kandungan
 - Jurukamera
 - Penyunting video
- C. Durasi keseluruhan bagi karya dokumentari **tidak kurang dari satu minit dua puluh saat (1:20) dan tidak melebihi lima minit (5:00) minit.**
- D. Terhad untuk karya asli yang disiarkan pada saluran rasmi organisasi platform media sosial. Platform yang dibenarkan:
 - Facebook
 - Instagram
 - Tiktok.
- E. Bahan penerbitan asal yang dihasilkan dalam bahasa lain perlu disertakan sarikata terjemahan bahasa Melayu atau bahasa Inggeris.
- F. Bahan penyertaan hendaklah dalam format MP4 serta dalam resolusi 1080p dan dimuatkan ke dalam simpanan awan.
- G. Bilangan ukuran capaian dan keterlibatan media (media reach & engagement) seperti bilangan penonton, lihat, likes, komen, penanda (bookmark), kongsi akan diambil kira dalam sebahagian penilaian.



H. Anugerah Foto Berita Terbaik

HADIAH:

Pemenang Pertama	: RM 2,000, trofi dan sijil penghargaan
Pemenang Kedua	: RM 1,000, trofi dan sijil penghargaan
Pemenang Ketiga	: RM 750, trofi dan sijil penghargaan

Mengentengahkan foto berita yang menampilkan peristiwa atau kejadian semasa yang penting, bersifat faktual dengan fokus utama yang jelas menampilkan nilai berita di Pulau Pinang.

KRITERIA :

1. Kategori ini terbuka kepada karya foto berita yang diterbitkan dalam media cetak termasuk akhbar, majalah atau media dalam talian.
2. Bahan yang dihasilkan dalam bahasa lain hendaklah diterjemahkan kepada Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris.
3. Setiap penyertaan perlu disertakan keterangan gambar (caption) dan salinan akhbar/ tangkap layar dalam format PDF.
4. Karya foto hendaklah dimuatnaik ke dalam simpanan awan.
5. Hanya foto yang telah diterbitkan layak menyertai. Mana-mana foto dari simpanan arkib dibatalkan penyertaannya.
6. Elemen penyuntingan foto yang dibenarkan:
 - Pembungkaiian/pemotongan gambar (cropping)
 - Perubahan minimal pencahayaan, kecerahan (brightness, luminance)
 - Perubahan minimal tahap warna & saturasi (colour level, saturation)



I. Anugerah Foto Esei Belum Diterbit Terbaik

HADIAH:

Pemenang Pertama	: RM 2,000, trofi dan sijil penghargaan
Pemenang Kedua	: RM 1,000, trofi dan sijil penghargaan
Pemenang Ketiga	: RM 750, trofi dan sijil penghargaan

Foto-foto yang menangkap momen penting di Pulau Pinang, baik dalam aspek budaya, alam sekitar, kemajuan, atau isu semasa. Foto-foto yang tidak pernah diterbitkan di mana-mana platform ini perlu menggambarkan keunikan dan keindahan negeri ini atau menyentuh perasaan penonton dengan naratif yang kuat.

KRITERIA :

1. Anugerah ini diberi kepada jurufoto yang telah menghasilkan penceritaan berdasarkan foto bersiri atas tema yang sama.
2. Peserta perlu mengemukakan sebuah karya esei foto yang boleh merangkumi dari **tiga (3) hingga (8) gambar bersiri** dalam format PDF.
3. Bahan yang dihasilkan dalam bahasa lain hendaklah diterjemahkan kepada Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris.
4. Setiap penyertaan perlu disertakan keterangan tarikh dan waktu gambar dirakamkan dalam format PDF.
5. Karya foto hendaklah dimuatnaik ke dalam simpanan awan.
6. Hanya foto yang belum diterbitkan layak menyertai. Mana-mana foto dari simpanan arkib dibatalkan penyertaannya.
7. Elemen penyuntingan foto yang dibenarkan:
 - Peningkatan/pemotongan gambar (cropping)
 - Perubahan minimal pencahayaan, kecerahan (brightness, luminance)
 - Perubahan minimal tahap warna & saturasi (colour level, saturation)